



SERAHKAN... Pertukaran dokumen Lol antara Prof. Dr. Raman Noordin (dua kiri) dan Dr. Ana Belen (dua kanan) sambil disaksikan Prof. Dr. Rasid Mail (tiga kanan), Dr. Miguel Carpio (tiga kiri) dan Dr. Awangku Hassanal (tepi kiri).

FPEP UMS meterai Lol bersama José Rizal University, Filipina

NSR 1.10.18 6

KOTA KINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Pembangunan Pelajar, José Rizal University, Filipina menandatangani satu Surat Niat (Lol) baru-baru ini bagi mengukuhkan lagi kerjasama kedua-dua belah pihak.

Pada majlis itu, FPEP UMS diwakili Dekan, Prof. Madya Dr. Raman Noordin, manakala José Rizal University diwakili Pengarah Pembangunan Pelajar, Dr. Ana Belen S. Cuyugan.

Upacara tersebut yang berlangsung di Hotelab, FPEP turut disaksikan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMS, Prof. Dr. Rasid Mail dan Naib Presiden (Akademik) José Rizal University, Dr. Miguel Carpio.

Terdahulu, Prof. Dr. Rasid Mail dalam ucapannya berkata, kerjasama itu adalah penting bagi memastikan kedua-dua institusi mencapai tahap pencapaian tertinggi melalui pembangunan yang dilaksanakan bersama.

"Kebanyakan universiti terkemuka di dunia mencapai kedudukan tertinggi melalui kerjasama antarabangsa, dan

UMS juga merasa bertuah kerana berpeluang menjalin kerjasama dengan universiti ini yang diiktiraf oleh TFE Times sebagai universiti tangga ke-5 terbaik di Filipina.

"Saya amat mengalu-alukan kerjasama ini kerana kita juga boleh bersama-sama belajar dan berkongsi pengalaman termasuk menimba pengalaman mereka dalam pembangunan perniagaan kecil dan perkara yang berkaitan dengan kelestarian," jelasnya.

Lol yang diadakan bersempena "Seminar Kelestarian 2018: Ke Arah Masyarakat yang Lestari" itu menggariskan beberapa kerjasama kedua-dua belah pihak, antaranya termasuklah program mobiliti pelajar dan kakitangan, kerjasama dalam projek pendidikan di samping penganjuran latihan, seminar, bengkel, persidangan dan aktiviti-aktiviti lain yang berkaitan.

Majlis menandatangani Lol itu turut dihadiri Pengerusi Seminar Kelestarian 2018 merangkap Pensyarah FPEP UMS, Prof. Madya Dr. Awangku Hassanal Bahar Pengiran Bagul.